

CEC: DAP hantar surat pemilihan semula kepada RoS
Malaysian Insider
Sept 5 , 2013
OLEH EILEEN NG

DAP akan menghantar surat memaklumkan Pendaftar Pertubuhan (RoS) mengenai pemilihan semula jawatankuasa pusat (CEC) yang akan diadakan pada 29 September ini, walaupun ia tidak tertakluk dalam undang-undang dasar parti.

Pengerusi Pemilihan Khas, Anthony Loke (gambar), berkata mereka akan menyerahkan surat itu kepada RoS dalam tempoh terdekat.

"Mereka yang meminta surat itu, jadi kita sediakan. Surat itu turut ditandatangani oleh setiausaha agung untuk memaklumkan yang kita patuh atas arahan mereka untuk mengadakan pemilihan semua," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat DAP, hari ini.

Pemilihan semula untuk memilih jawatankuasa pusat yang baru akan diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, Selangor.

DAP akur untuk mengadakan pemilihan semula CEC bagi mengelakkan pembatalan parti tersebut atas arahan RoS pada 30 Julai lalu.

RoS mengarahkan parti itu mengadakan pemilihan semula selepas terdapat beberapa aduan dari ahli yang tidak berpuas hati dengan pemilihan pada Disember lepas apabila berlaku kesilapan dalam pengiraan undi.

Selain itu, beberapa ahli mendakwa mereka tidak diberitahu mengenai pengundian parti.

Loke yang juga Setiausaha Pengelola DAP menyangkal dakwaan tidak memaklumkan kepada 753 delegasi pemilihan undi parti dan menyerahkan rekod kehadiran ahli, tandatangan bersama resit rasmi sebagai bukti. - 5 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/cec-dap-hantar-surat-pemilihan-semula-kepada-ros>